

Suri rumah, kawan dituduh

Johor Bahru

Suri rumah dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan membunuh suaminya, dua minggu lalu.

Tertuduh, Margaret Law, 36, yang turut didakwa bersama rakan lelakinya, Fam Mee Fatt, 53, faham akan pertuduhan dihadapi.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan di hadapan Majistret Nurmadiana Mamat.

Berdasarkan kertas pertuduhan, kedua-dua tertuduh didakwa bersama-sama membunuh Lee Ming How, 44, di No 03-14, Blok 11, Jalan Nipah, Taman Daya di sini, jam 2 petang, 14 Julai lalu.

Bagi perbuatan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati, jika sabit kesalahan.

Pendakwa di jalankan Timbalan Pendakwa Raya Sharifah Natasha Syed Ahmad dan Nur Aqilah Ahmad Rafaei manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 27 September untuk sebutan semula kes sementara menunggu laporan bedah siasat dan tiada sebarang jaminan dibenarkan.

Pada prosiding yang sama, kedua-dua tertuduh turut didakwa secara berasingan atas tuduhan memasukkan dadah berbahaya ke dalam badan.

Margaret mengaku bersalah memasukkan dadah methamphetamine dan amphetamine ke dalam badan selepas air kencingnya diuji di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Selatan (JBS) pada jam 1.30 petang, 15 Julai lalu.

Mee Fatt yang juga seorang buruh pula turut mengaku bersalah melakukan perkara sama memasukkan methamphetamine ke dalam badan di tempat sama, kira-kira 12.01 tengah malam, 16 Julai lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara maksimum dua tahun jika sabit kesalahan.

Sebelum hukuman dijatuhkan, Margaret yang mempunyai tiga anak sambil menangis memohon hukuman

ringan kerana tidak mampu membayar denda.

Mee Fatt juga merayu hukuman denda yang ringan kerana dia bapa tunggal kepada seorang anak.

Sharifah Natasha bagaimanapun memohon satu hukuman setimpal buat kedua-dua tertuduh sebagai pengajaran buat mereka.

Mahkamah kemudiannya menjatuhkan hukuman denda RM1,700 atau enam bulan penjara ke atas

setiap tertuduh.

Mereka berdua turut diperintahkan menjalani pengawasan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) selama dua tahun.

Pada 15 Julai lalu, media melaporkan, Ming How ditemukan maut dalam keadaan terbaring di kediaman keluarganya selepas dipercayai dipukul isteri.



ANGGOTA polis mengiringi Margaret ke Mahkamah Majistret Johor Bahru untuk menghadapi pertuduhan.